

Buletin Khas DOSM (BKD) yang disediakan ini adalah berdasarkan kepada kompilasi DOSM Intelligence Stats (DIS) bagi tujuan input kepada *stakeholders* dan agensi utama, pada setiap hari di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). DIS disediakan oleh pejabat DOSM Negeri dan juga Bahagian Butiran Perkara di Ibu Pejabat berdasarkan kajian ringkas berkaitan dengan perkembangan semasa dan kesannya kepada struktur sosial dan ekonomi di Malaysia.

BKD edisi kali ini merangkumi topik-topik berikut:

- Kajian kes impak Movement Control Order (MCO) di lapangan bagi Negeri W.P. Kuala Lumpur, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan; dan
- Kajian impak terhadap Industri Penginapan.

### Penafian:

Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawai pengeluaian statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

## 252 buah kilang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah henti operasi sementara 'angkar' COVID-19

Hasil daripada kajian impak COVID-19 di lapangan sejumlah 252 buah kilang di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memberhentikan operasi buat sementara waktu bagi tempoh 18 sehingga 31 Mac 2020 (14 hari) selepas pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dari jumlah tersebut, 95 peratus (239 buah kilang) adalah terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).



**15%**  
nilai jualan  
dijangka  
menurun



**8,594**  
guna tenaga  
terkesan

### IMPAK INDUSTRI TERPILIH



- ❖ Industri perhotelan di Kuala Lumpur dijangka mengalami penyusutan 80% jumlah hasil. Hotel-hotel bertaraf 5 bintang telah mengecilkan saiz operasi.
- ❖ Pengusaha hotel di sekitar Kuala Lumpur menyatakan anggaran jualan bilik di antara 5%-8% bermula tempoh PKP.



- ❖ Pengusaha makanan dan minuman di Kuala Lumpur hanya dibenarkan menjual makanan yang dibawa pulang (*Take Away and Delivery*) dijangka penyusutan dalam hasil jualan sebanyak 60%.

❖ Kenyataan media yang dikeluarkan oleh Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menganggarkan seramai 40,000 orang peniaga dan penjaja akan terkesan.



- ❖ LRT, MRT dan monorail beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 pagi dan dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam. Purata kekerapan tempoh masa dipanjangkan kepada setiap 30 minit berbanding 5 minit sebelum ini.



**65.1%**

Bilangan  
penumpang  
bas Rapid KL  
telah  
berkurang



## 45%

hasil syarikat  
Pembuatan Perabot di  
Johor dijangka  
menurun pada suku  
pertama tahun 2020  
kerana operasi  
diberhentikan serta  
merta pada  
18hb Mac 2020.



### Nilai Jualan

- Turun 20% hingga 40%



### Pekerja

- Tiada pemberhentian pekerja



### Industri Terkesan

- Mikro litar bersepadu elektronik
  - Tekstil
  - Perabot
- Makanan Ringan
- Makanan (Haiwan)

## IMPAK INDUSTRI TERPILIH

### Purata penerbangan harian di Johor berkurangan kepada 14 penerbangan sehari

- ❖ Hasil syarikat penerbangan di Johor dijangka menurun sebanyak 21% pada suku pertama tahun 2020.
- ❖ Jumlah penumpang pada bulan Mac menurun sebanyak 41%. Hal ini didorong oleh bilangan penumpang antarabangsa (94%) dan penumpang negara ASEAN (59%).
- ❖ Semua pekerja dibayar gaji penuh. Syarikat beroperasi dengan 150 orang pekerja.
- ❖ Purata penerbangan harian berkurangan kepada 14 penerbangan (kebiasaan: 75 penerbangan).

### Di Johor aktiviti yang terkesan:

- Aero merosot 24%.
- Non-Aero (Car park and Rental) dijangka merosot 12%.
- Perniagaan Duty Free jatuh 52%.
- Projek pembinaan terpaksa hentikan operasi dalam tempoh PKP dengan anggaran 10%-15% gerak kerja tidak dapat dilaksanakan.



# IMPAK KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN



# 400

pemandu teksi  
berdaftar di  
Melaka terkesan  
akibat COVID-19

- Dianggarkan hampir 400 pemandu teksi berdaftar yang bernaung di bawah 16 persatuan teksi dan turut dianggarkan 600 pemandu perkhidmatan e-hailing terdapat di Melaka.
- Sepanjang bulan Februari, pendapatan mereka telah merosot 50% dan terus merosot 20% pada bulan Mac 2020.
- Dalam keadaan biasa, purata pendapatan mereka sekitar RM200 sehari, namun sepanjang PKP, hampir tiada pendapatan kerana permintaan hampir sifar.



**Borong &  
Runcit**

Nilai jualan

↓ 60-70%

**Mac**

- ❖ Penutupan syarikat Borong & runcit dijangka akan memberi kesan penurunan pendapatan sehingga 50%.
- ❖ Nilai jualan Runcit menurun 11.7% pada Januari 2020.
- ❖ Kerajaan Negeri Melaka menghadkan waktu operasi (7.00 pagi -7.00 malam).

➤ Nilai jualan bagi penyelenggaraan dan pembaikan Kenderaan Bermotor di **Negeri Sembilan** dijangka menurun **50%**.



➤ Nilai jualan bagi aktiviti penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor dijangka menurun 40%.



**Negeri Sembilan**

**Kenderaan  
bermotor**

Nilai jualan

↓ 40-50%

**Mac**



Jualan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori kenderaan bermotor mendapati nilai jualan dijangka berkurangan sebanyak 45%.



Nilai jualan, bagi penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan dijangka berkurangan sehingga 50%.





# KAJIAN IMPAK TERHADAP INDUSTRI PENGINAPAN

**40%-45%**

Hasil bagi aktiviti  
**Hotel Resort dan Hotel Bajet**  
dijangka menurun



**Kajian Impak Terhadap Industri Penginapan**

- Sinar Harian pada 22 Mac 2020 pula melaporkan Kerajaan Terengganu mengarahkan operasi hotel dan tempat peranginan di seluruh negeri itu ditutup daripada dikunjungi orang ramai.

**30%-54%**

Hasil jualan  
**Homestay/Rumah Rehat**  
dianggarkan menyusut



- Subsektor Penginapan pada suku tahun pertama 2020 diunjur pertumbuhan negatif iaitu 1.6% berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.
- Jumlah pekerja dianggar menurun 0.5%. Sementara itu, gaji dan upah dijangka merosot 2.1%.

- Berdasarkan akhbar Malay Mail pada 18 Mac 2020, pembatalan Kempen Visit Malaysia 2020 akan memberi kesan negatif kepada hasil jualan perkhidmatan Homestay/Rumah Rehat.



**25.8 juta**


Ketibaan Pelancong di  
Malaysia pada tahun  
2018



**RM84.1b**

Pendapatan  
Pelancongan di Malaysia  
pada tahun 2018

## Paparan 1. Ketibaan Pelancong di Malaysia



Sumber : Tourism Malaysia